

Ruj. Kami : ST(IP/JKKT/P/OKT) 10/1/(014)

Tarikh : 17 Mac 2025

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*

No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,



## **PEMAKLUMAN BERKAITAN PERMOHONAN JURUAUDIT TENAGA BERDAFTAR DI BAWAH AKTA KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2024**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Seperti yang sedia maklum, Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 atau *Energy Efficiency and Conservation Act 2024* (EECA) telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2025. Berdasarkan subseksyen 25(2), tiada seorang pun juruaudit tenaga boleh menjalankan apa-apa audit tenaga di bawah Akta ini melainkan jika dia telah berdaftar dan memegang suatu perakuan amalan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini. Sehubungan itu, setiap juruaudit tenaga hendaklah mendaftar dan memegang perakuan amalan sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi membolehkan mereka melaksanakan kerja-kerja audit tenaga di bawah EECA.

3. Untuk makluman, permohonan pendaftaran bagi Juruaudit Tenaga Berdaftar atau *Registered Energy Auditor* (REA) akan dibuka **bermula pada 24 Mac 2025 (Isnin)** di laman sesawang [irist.st.gov.my](http://irist.st.gov.my). Oleh itu, pemohon yang berminat untuk menjadi REA adalah digalakkan untuk mendaftar di sistem iRIST sebagai persediaan sebelum permohonan dibuka pada tarikh tersebut.

4. Untuk makluman juga, permohonan REA yang diterima sebelum 21 April 2025 akan dipanggil untuk sesi temu duga di sekitar Lembah Klang yang dijangka diadakan pada penghujung April 2025. Manakala permohonan yang diterima selepas 21 April 2025, sesi temu duga dijangka diadakan bermula pada Jun 2025.

5. Sila layari [www.st.gov.my/eeca](http://www.st.gov.my/eeca) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai panduan dan syarat untuk menjadi REA. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada emel [rea@st.gov.my](mailto:rea@st.gov.my).

Sekian, terima kasih.



**(IR. TS. ZULKIFLEE UMAR)**

Pengarah

Jabatan Kecekapan dan Konservasi Tenaga  
Suruhanjaya Tenaga